



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

UCAPAN

**YB DATO' RAJA NONG CHIK BIN
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN**

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

SEMPENA

PERASMIAN PROGRAM GERAKAN TUMPUAN (PGT) SENTUL, KUALA LUMPUR.

TARIKH / MASA:

9 JUN 2012 (SABTU), 11.00 PAGI

TEMPAT :

PADANG BOLA SEPAK,

PERUMAHAN AWAM SERI PERAK, SENTUL KUALA LUMPUR

Bismillah Hirrahman Nirrahim...

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

YBhg Dato' Adnan bin Hj. Md Ikshan,

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar dan Pengurusan),
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar,

YBhg Dato' Mohd Jamal bin Mahussin,

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan),

YBhg Datuk Hj. Salleh bin Yusup,

Ketua Pengarah DBKL,

YBhg Datuk Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Sosio Ekonomi) DBKL

Pegawai-pegawai kanan Kementerian serta Agensi,

Pemimpin-pemimpin masyarakat setempat, serta penduduk-penduduk kawasan Sentul dan sekitarnya,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan, serta hadirin yang dihormati sekalian;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

PENDAHULUAN :

1. Marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, dapat kita berhimpun, pada majlis perasmian **Program Gerakan Tumpuan (PGT)** di kawasan Sentul, Kuala Lumpur pada hari ini.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih, di atas kehadiran Pengerusi - pengerusi Persatuan Penduduk atau wakilnya, serta semua penduduk yang tinggal di kawasan Sentul ini.

3. Saya difahamkan, sejak semalam lagi tuan-tuan dan puan-puan telah terlibat sama, membuat persiapan secara bergotong royong, agar majlis pada hari ini dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

OBJEKTIF PGT :

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. **Program Gerakan Tumpuan (PGT)** merupakan salah satu program utama, yang dilaksanakan oleh **Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan**, bagi mendekati dan membantu menyelesaikan masalah rakyat, khususnya di Kuala Lumpur secara bersepadu.
5. Atas sebab itu, **pelbagai agensi Kerajaan** telah diundang menyertai program ini, bagi memastikan semua masalah rakyat dapat diselesaikan di saluran yang tepat dan benar.
6. Bagaimana pun, kejayaan program ini amat bergantung kepada kesungguhan pemimpin-pemimpin tempatan, NGO serta masyarakat; bersama-sama pihak berkuasa dalam memerangi masalah sosial, untuk mewujudkan suasana aman damai dan sejahtera di kawasan perumahan masing-masing.

7. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan pendekatan Kerajaan Barisan Nasional yang mengamalkan konsep “turun padang” bagi merasai sendiri degup nadi rakyat.

IMPAK PGT :

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

8. Sejak **Program Gerakan Tumpuan (PGT)** dilancarkan pada tahun 2004, sehingga kini, pihak Kementerian telah melaksanakan **7 PGT** di kawasan-kawasan seperti; **Perumahan Awam Jalan San Peng (2005)**, **Taman Sri Sentosa (2006)**, **Kampung Kerinchi** dan **PPR Seri Semarak (2007)**, kawasan **Chow Kit (2008)**, **Brickfields (2010)** dan **Taman Wilayah Selayang, Jinjang (2011)**.
9. Pelaksanaan PGT ini, telah membawa kesan yang cukup positif, khususnya kepada masyarakat setempat di lokasi-lokasi yang terpilih seperti yang saya sebutkan tadi. Perlu saya tekankan di sini, bahawa kekuatan PGT; adalah kepada program serta aktiviti-aktiviti susulan yang bakal dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung.

10. Ia juga menjadi platform penggerak, kepada semua jabatan, agensi, NGO serta penduduk setempat, untuk sama-sama berganding bahu; bagi menangani isu-isu sosial agar dapat mewujudkan persekitaran perumahan bandar yang lebih bersih, selesa dan sihat.
11. Bermula pada hari ini sehinggalah tahun hadapan sekitar Jun 2013, pelbagai Jabatan dan agensi Kerajaan yang anda lihat pada hari ini, akan menganjurkan program dan aktiviti masing-masing, sekaligus memberi manfaat kepada kesejahteraan penduduk dalam mencapai matlamat sebenar PGT.
12. Kesan positif PGT yang akan dapat dilihat, adalah perubahan persekitaran ataupun penurunan kadar permasalahan sosial dan jenayah. Hal ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh **Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)** pada tahun 2006, ke atas program pembangunan fizikal dan insan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian di kawasan San Peng.
13. Hasil penganjuran PGT di kawasan tersebut, ianya telah berjaya menyumbang kepada peningkatan, tahap kualiti hidup penduduk di kawasan sekitarnya. Dalam masa yang sama, hubungan serta kerjasama di kalangan penduduk juga bertambah erat.

PENUTUP :

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

14. Sebaik mana pun program yang dirangka dan dilaksanakan, ia tidak akan berjaya mencapai matlamat, sekiranya tidak mendapat sambutan dan kerjasama daripada penduduk, iaitu tuan-tuan dan puan-puan sendiri.
15. Memandangkan program dan aktiviti yang dianjurkan ini, banyak membawa kebaikan dan kesejahteraan hidup kepada penduduk di kawasan ini, maka saya berharap tuan-tuan dan puan-puan, dapat memberikan komitmen dan penglibatan sepenuhnya dalam semua program dan aktiviti yang telah dirancang.
16. Akhirnya, dengan lafaz **Bismillah Hirrahman Nirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM GERAKAN TUMPUAN, SENTUL KUALA LUMPUR TAHUN 2012.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum W.B.T.

YB DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Kuala Lumpur (9 Jun 2012)